

## BAB 4

## BAB 4: PENUTUP

### 4.1 KESARJANAAN SYEIKH DAUD AL-FATĀNĪ

Syeikh Daud al-Fatānī merupakan seorang pujangga Melayu yang terulung pada zamannya. Beliau adalah di antara pengarang Melayu yang mempunyai bakat dan paling banyak menghasilkan karya-karya Islam dalam berbagai-bagai bidang ilmu. Beliau bukan sahaja menghasilkan karya dalam Ilmu Fiqh, tetapi juga dalam bidang Taşawwuf, Uşuluddin dan cerita Nabi-Nabi. Kepelbagaian bakat ini jarang ditemui pada pengarang-pengarang Melayu yang lain kerana kebanyakan mereka mahir dalam bidang-bidang tertentu sahaja, umpamanya Hamzah Fansuri di dalam Ilmu Taşawwuf, Abdul Rauf al-Singkel dan Muḥammad Arsyad al-Banjari di dalam Ilmu Fiqh.<sup>1</sup>

Lantaran keistimewaan ini beliau amat prolific sekali menghasilkan karya-karya. Beliau telah menghasilkan sekurang-kurangnya 101 buah karya yang terdiri dari berbagai-bagai bidang sama ada dalam bahasa Melayu (Jawi) dan Arab.<sup>2</sup> Selain mengarang beliau juga mengajar. Semasa di Makkah beliau sangat masyhur bukan sahaja di kalangan orang-orang Asia malah di kalangan bangsa-bangsa lain. Di samping status beliau seorang guru, karya-karyanya itu adalah merupakan suatu usaha untuk menyebarkan dakwah Islamiah ke seluruh pelusuk Nusantara.

---

<sup>1</sup> Abu Hassan Sham (1991), "Pengaruh Karya-Karya Syeikh Daud Fatani Dalam Sastera Melayu" (Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama' Peringkat Kebangsaan Kali ke-4, 17 – 19 Disember, 1991, di Dewan Muktamar, Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur), h. 1.

<sup>2</sup> *Syeikh Daud Abdullah al-Fatānī: Pengenalan Ringkas*, Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama' Peringkat Kebangsaan Kali ke-4, 17 – 19 Disember, 1991, di Dewan Muktamar, Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur.

Ini adalah melalui perantaraan murid-muridnya yang datang dari seluruh Nusantara untuk menunaikan fardu haji sambil mendalami ilmu agama di Makkah.

Justeru itu, senang bagi beliau menemui lebih ramai jama'ah haji. Kebanyakan dari murid-murid beliau, apabila pulang ke negara masing-masing akan membawa kitab-kitab beliau untuk diajarkan di tempat masing-masing. Di antara murid-murid beliau yang terkenal ialah Syeikh Ismail Minangkabau (pengarang Kitab *Kifāyat al-Ghulām*), Syeikh Alam Khaṭīb Sambas, Raja Ali Haji Riau, Syeikh Abdul Halim Kelantan, Syeikh Muhammad Zain bin Mustafa al-Faṭānī, Syeikh Abdul Malik bin Isa (Tuk Pulau Manis) Terengganu, Syeikh Zainuddin Aceh dan lain-lain.<sup>3</sup>

Syeikh Daud sangat menonjol dalam bidang Fiqh. Beliau amat berjasa kepada masyarakat Islam di Nusantara kerana berjaya meninggalkan hasil karyanya yang bermutu tinggi. Beliau telah dapat menghasilkan beberapa terjemahan kitab Arab atau teks-teks yang bermutu semasa berada di Makkah pada awal abad ke-19M. Karya-karya beliau menghuraikan dengan lengkap semua bidang fiqh seperti *Furū' al-Masā'il* (diterjemahkan dari kitab Arab yang dikarang oleh al-Imām al-Ramlī iaitu Kitab *al-Fatāwā*), *Hidāyat al-Muta'allim*, *Fatḥ al-Mannān*, *al-Jawāhir al-Sanā'iyah* dan *Sullam al-Muṭadī* atau menyentuh satu-satu bidang fiqh sahaja seperti Kitab *Idāḥ al-Bāb* (huraian panjang dalam bidang perkahwinan Islam. Kitab ini disusun berdasarkan kitab Arab bernama *al-Manhaj*, *Fatḥ al-Wahhāb*, *Tuḥfat al-Muḥtāj* dan *Niḥayat al-Muḥtāj*), *al-Ṣayd wa al-Dhabā'ih*

---

<sup>3</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 27 dan 42.

(penyembelihan), *Munīyyat al-Muṣallī* (kitab ini khusus membicarakan hukum sembahyang untuk *ma'mūm muwāfiq* dan *mashūq* dalam masa mengikut imam bagi sembahyang jama'ah dan Sembahyang Juma'at) dan lain-lain.<sup>4</sup>

Syeikh Daud al-Faṭānī juga sangat unggul dalam bidang Tauhid atau Ilmu Kalām yang membicarakan akidah Islamiah. Beliau menyusun dan menterjemah serta menghuraikannya daripada bahasa Arab untuk mengumpulkan pengetahuan daripada pengajaran yang terpancar dari ulamak yang memang pakar dalam Ilmu Usuluddin. Oleh itu dapat disalurkan dengan mudah kepada golongan sasaran yang tidak mahir berbahasa Arab. Tujuan beliau adalah semata-mata untuk menyampaikan mesej Islām tentang pengetahuan akidah dalam Syariat Islam. Melalui ilmu ini sahajalah menjadikan manusia terselamat dari buta mata hati dan menggerakkan dirinya mengejar sesuatu yang memana'atkannya di alam Akhirat. Setakat ini belum ada kitab mengenai Ilmu Usuluddin yang dikarang oleh ulamak Asia Tenggara yang melebihi karya-karya beliau, umpamanya Kitab *Ward al-Zawāhir* dan *al-Durr al-Thamīn*. Dalam kedua-dua karya ini dan karya-karya beliau yang lain, Syeikh Daud telah mengutarakan pemikiran-pemikiran akidah yang berteraskan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* mengikut aliran *al-Ays'arī*. Selain daripada itu beliau juga memperkenalkan risalah-risalah kecil berhubung dengan akidah ataupun Usuluddin.<sup>5</sup>

Manakala dalam bidang Taṣawwuf pula, Syeikh Daud telah merakamkan ajaran kerohanian Islam ini di dalam bentuk tulisan kitab yang tercerna dalam dua versi

---

<sup>4</sup> Abu Hassan Sham (1991), *op. cit.*, h. 4; Abdul Aziz Ambak Hj. Ismail (1991), *op. cit.*, h. 32 – 33.

<sup>5</sup> Ahmad Zuhdi Ismail (2001), *op. cit.*, hlm. 3.

iaitu pengajaran-pengajaran Taşawwuf telah ditulis bersama-sama dengan aspek-aspek agama yang lain iaitu akidah dan fiqh dan kitab-kitab yang ditulis secara khusus mengenai pengajaran-pengajaran Taşawwuf.<sup>6</sup>

Kitab yang tergolong di dalam kategori yang pertama ialah *Fatḥ al-Mannān li Şafwah al-Zubad*. Kitab ini, yang telah ditulis pada tahun 1249H/1833M membicarakan aspek Akidah, Fiqh dan Taşawwuf. Aspek Taşawwuf yang menjadi isi kandungan kitab ini adalah menyentuh tentang aspek praktikal di dalam kehidupan kerohanian Islam. Kitab ini adalah terjemahan dan huraian kepada karangan asal oleh Ibn Ruslān al-Dimasyqī bertajuk *al-Zubad*.<sup>7</sup>

Kitab-kitab yang tergolong di dalam kelompok yang kedua pula ialah *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id*, *Minḥāj al-'Ābidīn*, *Kanz al-Minān 'alā Ḥikam Abī Madyan*, *Waşāyā al-Abrār wa Mawā'iz al-Akhyār* dan *Risālah Ṭarīqah al-Syaṭṭārīyyah wa al-Sammānīyyah*.<sup>8</sup>

Selain menulis, Syeikh Daud al-Faṭānī juga mengambil ijazah dari beberapa buah tarekat iaitu *Syaṭṭārīyyah*, *Sammānīyyah* dan *Syadhliyyah*. Dalam hal ini, sumbangan amali beliau yang paling besar selain tulisannya yang menerangkan kaifiyat zikir tarekat *Syaṭṭārīyyah* ialah penyebaran tarekat ini di Nusantara, yang sudah tentu melalui ketokohan dan keilmuan beliau dalam ilmu ini sehingga menjadi guru kepada sekalian banyak murid sama ada dari Kepulauan Melayu hinggalah ke Champa dan Burma.<sup>9</sup>

<sup>6</sup> Faudzinain Hj. Badaruddin (2001), *op. cit.*, h. 4.

<sup>7</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 85.

<sup>8</sup> Faudzinain Hj. Badaruddin (2001), *op. cit.*, h. 7.

<sup>9</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 136.

Pendek kata, Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī telah melalui tempoh masa yang lama dalam menimba ilmu pengetahuan sejak dari zaman kanak-kanak lagi di tanah tumpah darahnya, Patani dan di Aceh, selama 18 tahun. Seterusnya merantau ke Makkah dan belajar di sana selama 30 tahun dan di Madinah selama 5 tahun. Justeru itu, lantaran lama masa belajar dan keserjanyaannya dalam bidang Fiqh, Ilmu Kalam dan Taṣawwuf, beliau telah digelar “*Al-‘Ālim al-‘Allāmah al-‘Ārif al-Rabbānī*”<sup>10</sup>

#### **4.2 KEUNGGULAN SYEIKH DAUD AL-FATĀNĪ DARI ASPEK PENULISAN KITAB *GHĀYAT AL-MARĀM*.**

Kitab *Ghāyat al-Marām* merupakan sebuah kitab yang membicarakan mengenai ibadat haji dan ‘umrah dengan panjang lebar dan terperinci. Melalui kitab ini, Syeikh Daud telah menghuraikan fardu haji dan ‘umrah dengan begitu jelas dari mula seseorang itu berazam untuk menunaikannya, membuat persiapan, pergi ke Makkah, mengerjakan amalan-amalan ibadat tersebut, berziarah ke Madinah serta membuat kupasan mengenai falsafah haji. Tidak ketinggalan juga beliau telah menerangkan adab-adab kembali ke tanah air dengan menjaga akhlak dan tingkah-laku ketika bergaul dengan masyarakat.

Dari sudut kandungannya, manuskrip kitab ini setebal 71 halaman. Merupakan kitab Melayu yang paling lengkap dalam membicarakan fardu haji dan ‘umrah, disusuli dengan pendapat-pendapat ulamak dalam beberapa masalah tertentu serta dilengkapi dengan doa-doa yang terpilih untuk dibaca pada tempat-tempatnya.

---

<sup>10</sup> *Ibid.*, h. 25 – 26.

Tiada kitab Melayu seumpamanya oleh pengarang lain yang dapat menandingi keunggulan kitab ini dari aspek kandungan dan huraianya walaupun dibandingkan dengan penulisan-penulisan moden.

Melalui kitab ini Syeikh Daud memaparkan sifat-sifat kerendahan atau kehinaan dirinya, pengakuan banyak berdosa dan ketidak upayaannya serta berbaik sangka terhadap Allah dengan mengharapkan keampunanNya.<sup>11</sup>

Perlu juga disebut bahawa sebelum terbitnya kitab ini, Syeikh Daud telah membincangkan mengenai fardu haji dan 'umrah dalam kitab fiqhnya yang masyhur itu, *Furū' al-Masā'il*. Penerangannya adalah ringkas dan padat iaitu mengandungi *bāb al-Mawāqif, al-Iḥrām, Šifāt al-Nusuk, bāb mā Ḥarrama bi al-Iḥrām* dan *Ziyārat al-Madīnah*.

Pada hemat penulis, Syeikh Daud tidak berpuas hati dengan penerangannya yang ringkas mengenai ibadat haji dan umrah sebagaimana yang termuat di dalam bab ini lantaran keperihatinannya terhadap persediaan yang besar untuk menunaikannya, lokasinya yang jauh, kefahaman dan kesulitan semasa mengerjakannya serta kehalusan amalan-amalannya yang perlu diteliti dan diawasi oleh setiap individu yang melakukannya supaya kunjungannya ke Makkah, ziarahnya ke Madinah dan taubat serta ibadat yang dilakukan diterima oleh Allah S.W.T. sebagai tetamuNya yang mendapat haji *mabrūr*. Oleh itu, beliau telah mengarang semula penerangannya dengan terperinci mengenai ibadat haji dan umrah dalam satu kitab khusus yang diberi nama *Ghāyat al-Marām* ini.

---

<sup>11</sup> Ahmad Fathy al-Fatani (2001), *op. cit.*, h. 37.

Keluasan pengetahuan beliau dalam ibadat haji dan 'umrah amat luas, sukar disaingi oleh ilmuan lain. Makkah dan Madinah merupakan tempat beliau menuntut ilmu, bahkan Makkah menjadi tempat meledakkan ilmu pengetahuannya serta tempat mastautinnya hingga ke akhir hayat. Keunggulan pengetahuan beliau dan komitmennya dengan ibadat haji telah mendapat pengiktirafan dunia dan tidak boleh disangkal oleh sesiapa dengan terlantiknya beliau sebagai "Ketua Syeikh Haji." Pada zaman beliaulah mulai dikenali adanya istilah "Syeikh Haji" dan beliau adalah orang pertama dilantik secara langsung sebagai ketua dari semua Syeikh haji pada zaman itu.<sup>12</sup>

### 4.3 CADANGAN

Memandangkan betapa jelasnya penerangan beliau mengenai fardu haji dan 'umrah yang terkandung di dalam Kitab *Ghāyat al-Marām* ini, di samping keperluan jama'ah haji khasnya dan masyarakat Islam amnya kepada bahan-bahan rujukan, penulis mencadangkan supaya kitab ini dibukukan semula dalam suatu versi baru mengikut metod penulisan moden agar senang dibaca dan difahami, seterusnya diminati oleh kalangan generasi masa kini.

Mana-mana bahagian yang terdapat kekeliruan perlu diberi huraian. Istilah-istilah yang sukar hendaklah dijelaskan atau dibuat nota kaki supaya senang difahami oleh pembaca dan sesuai dengan keperluan semasa kerana sumbangan beliau itu

---

<sup>12</sup> *Ibid.*, h. 26.



adalah merupakan warisan yang sangat bernilai sebagai pusaka penulisan ilmu-ilmu Islam dan seterusnya dapat dimanfa'ati dengan semaksimal mungkin.

Sekalung *al-Fātiḥah* buat roh al-Marḥūm Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Faṭānī.

Semoga roh beliau tenang di kalangan roh-roh para *Awliyā'* dan *Ṣāliḥīn*.

*Āmin. Yā Rabb al-'Ālamīn!*